



Soal Jawab Agama

Soalan dan jawapan untuk Soal Jawab Agama ini dipetik daripada 'RUANGAN KEMUSYKILAN AGAMA' dari Laman Web Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Soalan dan jawapan telah dimodifikasi tanpa mengubah maksudnya supaya lebih difahami dan sesuai untuk bacaan umum.

SOALAN 1

Saya mempunyai kemusykilan berkaitan dengan solat jamak pada hari Jumaat. Melalui pemahaman saya, kita mesti solat Jumaat terlebih dahulu, kemudian solat Asar secara jamak. Tetapi baru-baru ini ada kawan yang memberitahu bahawa, kita tidak perlu solat Jumaat terlebih dahulu, tetapi terus lafadz Zohor dan selesai solat terus solat Asar jamak. Soalan saya, yang mana saya perlu ikut?

JAWAPAN 1

Apa yang saudara faham adalah betul. Bagi mereka yang dalam musafir boleh untuk mengerjakan solat Jumaat ataupun tidak. Boleh mengerjakan solat Zohor sekiranya anda tidak menunaikan solat Jumaat dengan menjamak dan mengqasar solat Zohor ke solat Asar dengan jamak takhir atau sebaliknya.

SOALAN 2

Jika suami berkata "jika kau keluar dengan niat meninggalkan aku terus, maka jatuh talak bagi kau". Lalu si isteri keluar membawa pakaian pulang ke rumah ibubapanya, tetapi kembali ke pangkuan suami seminggu kemudian dan menyesali perbuatannya meninggalkan suami. Adakah perbuatan isteri tersebut jatuh talak?

JAWAPAN 2

Bergantung kepada niat isteri, iaitu jika isteri keluar dengan niat hendak meninggalkan suami terus maka jatuh talak, tetapi didapati isteri telah pulang seminggu selepas itu. Dalam keadaan ini panel berpendapat tidak jatuh talak.

SOALAN 3

Bolehkah diterangkan sebab-sebab yang membolehkan mouthspray yang mengandungi alkohol itu digunakan?

JAWAPAN 3

Sekalipun spray mulut mengandungi alkohol, ia tidak dianggap sebagai arak. Semua jenis arak adalah haram dan semua jenis arak ada alkohol. Namun, tidak semua alkohol itu arak. Alkohol adalah sebagai bahan penstabil, sebagai contoh ia digunakan dalam minyak wangi untuk mengekalkan bau bagi tempoh yang lama. Ia juga digunakan dalam minuman bergas atau bahan-bahan cecair lain seperti kicap, sos dan sebagainya.

Ini kerana penghasilan alkohol adalah berbeza dengan proses penghasilan arak. Penghasilan alkohol adalah campuran cecair yang berasal daripada methanol yang tidak boleh diminum secara terus kerana ia adalah racun. Berbanding dengan penghasilan arak, ia memang dijadikan sebagai bahan untuk diminum. Oleh itu, spray mulut adalah harus digunakan.

SOALAN 4

Saya mempunyai seorang rakan yang mengajak saya untuk berikhtiar dengan cara menyelitkan sepotong ayat Al-Quran pada joran supaya mudah mendapat ikan ketika memancing di kolam berbayar. Persoalannya, apakah hukum untuk perbuatan ini? Adakah ini dikira ikhtiar atau tawakkal?

JAWAPAN 4

Salah dan haram serta berdosa berbuat demikian kerana ikan bukan ayat al-Quran sebaliknya ikan memakan makanannya. Jika kita ingin berikhtiar, maka ikhtiarlah dengan sebaik-baiknya seperti membaca ayat al-Quran, berzikir dan memohon kepada Allah agar mendapat rezeki dari kegunaan pancing tersebut.

SOALAN 5

Saya ingin bertanyakan soalan berkenaan penggunaan simbol – di laman sosial terutama di Facebook. Simbol ini adalah sejenis huruf yang tiada maksud & diperkenalkan cendiakawan gereja dahulukala sebagai salah satu medium perhubungan masyarakat Slavic (Serbia/Russia/Bulgaria, dan sekarang sudah tidak dipakai). Ianya adalah satu tulisan seperti tulisan huruf Cina dan Tamil. Adakah penggunaannya haram bagi umat Islam di negara ini?

JAWAPAN 5

Semua/sebarang simbol boleh digunakan/dipakai kecuali simbol tersebut mempunyai unsur-unsur syirik/lucu/menyerupai simbol agama-agama lain. Boleh digunakan simbol tersebut jika tidak menyerupai simbol agama selain dari Islam sekalipun diperkenalkan oleh orang bukan Islam atau paderi.

SOALAN 6

Saya adalah seorang lelaki dan mempunyai masalah pengurusan rambut (rambut panjang). Saya kadang kala tidak ada keyakinan diri jika saya rambut saya serabut (rambut ikal). Saya mengambil masa yang lama untuk uruskan rambut ini. Pada pendapat ustaz bolehkah saya rebonding rambut ini?

JAWAPAN 6


Saudara boleh membuat rebonding rambut, jika bahan-bahan yang digunakan untuk tujuan rebonding itu terdiri daripada benda-benda yang suci maka ianya adalah harus, di samping saudara hendaklah memastikan bahan-bahan itu telap air bagi mengesah wuduk dan mandi hadas besar.

SOALAN 7

Saya ingin bertanya, adakah jatuh hukum zihar sekiranya suami melihat gambar isterinya di zaman kanak-kanak dan menyatakan rupa isterinya ketika itu betul-betul seiras wajah ibunya, iaitu ibu isterinya. Ketika menyatakan demikian suami tiada niat untuk menziarkan isteri dan tanpa perasaan bernafsu, tetapi sekadar pendapatnya sahaja.

JAWAPAN 7

Zihar ialah kata-kata seorang suami menyamakan isterinya dengan mana-mana perempuan atau mana-mana anggota perempuan yang haram dikahwin untuk selama-lamanya. Ini berlaku pada kebiasaannya selepas wujud perasaan marah atau tidak suka, atau kurang berminat terhadapnya, berlaku juga zihar itu dengan tujuan menghalangnya daripada bergaul dengan isterinya supaya tidak menganggu ibadatnya seperti yang berlaku kepada seorang sahabat Rasulullah S.A.W. yang bernama Maslamah bin Sakhr. Zihar ini tidak berlaku dalam masyarakat Islam melayu kita yang ada hanyalah seseorang suami memberitahu isterinya bahawa anggota tubuh badan isterinya itu ada persamaan dengan ibunya atau saudaranya. Ini tidak dinamakan zihar dan kata-kata itu dikeluarkan di dalam situasi harmoni, mesra, kasih sayang dan tidak ada kekeruhan di dalam hubungan suami isteri.



"Zihar ini tidak berlaku dalam masyarakat Islam melayu kita yang ada hanyalah seseorang suami memberitahu isterinya bahawa anggota tubuh badan isterinya itu ada persamaan dengan ibunya atau saudaranya."

Walau macam mana sekali pun untuk mengelak dari sebarang kekeliruan, maka elakkan ungkapan-ungkapan yang boleh menimbulkan masalah di dalam hubungan antara suami dan isteri berkait dengan zihar ini.

SOALAN 8

Saya sudah menguruskan janin (14 minggu) yang gugur dengan membersihkan dan membungkusnya dengan kain putih bersih (bukan kain kapan mayat yang biasa) dan saya telah kebumikan janin tersebut berdekatan dengan rumah (bawah pokok) tidak di tanah perkuburan Islam. Soalan saya ialah:

- 1. Bolehkah saya kebumikan di bawah pokok berhampiran rumah saya itu?*
- 2. Adakah saya perlu mengikut cara pengkebumian jenazah biasa iaitu arah kepala/atau mengiringkannya?*
- 3. Patutkah saya memindahkannya ke tanah perkuburan?*

JAWAPAN 8

Anda tidak perlu memindahkan janin tersebut, asalkan janin yang dikebumikan tadi tidak diganggu atau digali oleh binatang seperti kucing, anjing dan seumpamanya.

SOALAN 9

Apakah hukum memakan makanan yang kita nazarkan? Sebagai contoh, saya bernazar untuk membuat kenduri kesyukuran jika dapat jawatan baik dalam kerajaan. Dengan kehendak Allah, saya dapat jawatan tersebut. Justeru, saya telah mengadakan kenduri tersebut dan saya juga makan makanan jamuan kesyukuran tersebut. Apakah hukumnya ustaz?

JAWAPAN 9

Boleh makan makanan yang dinazarkan sekiranya niat secara umum. Tetapi jika berniat secara khusus tidak boleh makan.

SOALAN 10

Saya telahpun membuat surat bahawa, jikalau suami saya curang dan saya dapat tahu maka jatuh talak. Suami

saya pun telah membaca dan menurunkan tandatangan. Apa yang berlaku seterusnya ialah, dia berlaku curang terhadap saya. Di sini saya ingin bertanya adakah talak itu jatuh atau tidak.

JAWAPAN 10

Berandukan masalah yang dikemukakan, perjanjian yang dipersetujui tentang penceraian sekiranya berlaku seperti yang dijanjikan, bermakna berlaku penceraian dengan cara taklik. Bagi tujuan pengesahan penceraian, pasangan perlu ke Mahkamah Syariah berdekatan untuk mendapat pengesahan cerai dari mahkamah. Pengesahan Cerai dari Mahkamah Syariah diperlukan bagi membolehkan penceraian didaftarkan oleh Pejabat Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk di Jabatan Agama yang berdekatan.